

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
SESI LIBAT URUS PELAKSANAAN
PERKHIDMATAN ZON ICT BERSAMA KETUA-
KETUA PTj UCS**

**29 JULAI 2025 | SELASA | 9.30 PAGI
BILIK MESYUARAT UTAMA
ARAS 3
FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih pengerusi majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA
ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN
WA ALA ALIHI WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Profesor Ir. Dr. Juliana Johari

Ketua Pegawai Digital (CDO)

Jabatan Digital UiTM

YBrs. Puan Alfina Bakar

Ketua Timbalan Pendaftar Kanan

UiTM Cawangan Selangor

YBrs. En. Zamani Umar Husin

Ketua Bahagian Digital UiTM Cawangan Selangor

Barisan Dekan-Dekan Fakulti, Ketua-ketua PTj UCS, Ketua-ketua Pentadbiran dan semua ahli mesyuarat sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam UiTM di Hatiku.

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam sesi **Libat Urus Pelaksanaan Perkhidmatan Zon ICT** di UiTM Cawangan Selangor ini.
2. Saya merakamkan penghargaan kepada pihak Bahagian Digital UCS serta semua yang terlibat dalam menjayakan sesi yang amat penting ini.
3. Sebagaimana kita maklum, pelaksanaan perkhidmatan Zon ICT adalah antara langkah

strategik dalam memperkasa tadbir urus ICT di peringkat universiti.

4. Model pengurusan secara 'zoning' ini memberi fokus kepada penyampaian perkhidmatan ICT secara berstruktur, sistematik, dan lebih responsif, berbanding pendekatan terdahulu yang lebih bersifat individu atau unit terasing.
5. Saya difahamkan bahawa pendekatan Zon ICT ini bukanlah sesuatu yang baharu, kerana ia telah dilaksanakan di UiTM Shah Alam sejak tahun 2020.
6. Pelaksanaan tersebut telah memberi impak positif dengan peningkatan ketara dalam prestasi perkhidmatan ICT, khususnya dari segi kecekapan sokongan, tahap kepuasan pelanggan dan keupayaan menyelesaikan isu teknikal secara lebih efisien.

7. Di UCS, pelaksanaan Zon ICT ini akan memberi banyak manfaat, antaranya:

- i. Peningkatan kecekapan sokongan ICT secara berfokus di setiap zon.
- ii. Pengurusan sumber manusia dan peralatan ICT yang lebih optimum dan tersusun.
- iii. Pemantauan perkhidmatan yang lebih menyeluruh serta mempercepat proses penambahbaikan.
- iv. Meningkatkan kepuasan pengguna ICT, terutamanya dalam kalangan staf dan pelajar di setiap PTj.

8. Saya menyokong penuh pelaksanaan Zon ICT di UiTM Cawangan Selangor kerana saya percaya langkah ini bukan sahaja dapat melonjakkan tahap kecekapan operasi kampus selaras dengan agenda pendigitalan universiti, malah turut menyokong aspirasi kepimpinan untuk menjadikan UiTM sebuah institusi yang berdaya saing dan berdaya tahan dalam era digital.

9. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Juliana Johari, selaku Ketua Pegawai Digital (CDO), Jabatan Digital, atas segala panduan dan komitmen yang diberikan dalam merealisasikan inisiatif ini.
10. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih kepada Puan Alfina dan seluruh pasukan Bahagian Digital UCS yang telah bersama-sama berusaha memastikan kelancaran pelaksanaan inisiatif ini.
11. Akhir kata, saya berharap sesi libat urus ini dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh semua untuk kita sama-sama faham apa itu pelaksanaan Zon ICT, berkongsi idea dan cadangan yang membina, dan akhirnya membantu menjayakan inisiatif ini di UiTM Cawangan Selangor.

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah

**Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**